

# SIFE UMS bantu komuniti Jalan Sulaman melalui projek Borneo Coco

UB 12.07.2012 B2

**KOTA KINABALU:** Students In Free Enterprise (SIFE) Universiti Malaysia Sabah (UMS) merupakan sebuah organisasi bukan berkeuntungan dan berfungsi untuk membantu meningkatkan kualiti dan taraf hidup komuniti setempat dengan menggunakan kaedah keusahawanan.

Ia telah menjalankan pelbagai projek komuniti bagi membantu masyarakat di negeri Sabah, dan antara projek yang telah dijalankan adalah projek Borneo Coco.

Pada fasa pertama projek Borneo Coco pada tahun 2010, SIFE UMS telah memulakan langkah pertama dengan membantu salah satu gerai di Jalan Sulaman iaitu Sudi Mampir. Mereka diajar mengenai teknik asas keusahawanan yang mudah seperti mengira untung rugi.

Selain itu, SIFE UMS

juga membantu mereka membersihkan dan menghias gerai mereka untuk menjadi lebih ceria sekali gus menarik pelanggan ke gerai mereka. Dari segi pemasaran pula, SIFE UMS telah memasarkan produk mereka di Gaya Street. Dengan bantuan SIFE UMS itu, hasil pendapatan mereka telah meningkat dengan lebih tinggi dan pelanggan mereka mula bertambah.

Kejayaan projek Borneo Coco pada fasa pertama menjadi pembakar semangat kepada SIFE UMS untuk meneruskan projek Borneo Coco fasa kedua. Pada tahun seterusnya 2011, SIFE UMS mengorak langkah lebih jauh lagi dengan membantu semua komuniti peniaga di Jalan Sulaman. Kali ini SIFE UMS telah melancarkan Kempen 3K iaitu keselamatan, kesihatan dan kebersihan pada setiap gerai di Jalan Sulaman.



**PESERTA SIFE UMS bersama komuniti di Jalan Sulaman semasa menjalankan kempen 3K.**

Setiap peniaga diajar mengenai aspek keselamatan seperti kepentingan alat pemadam api dan juga cara penggunaannya. Mereka juga diberi apron, sarung tangan, topi serta risalah mengenai keselamatan, kesihatan dan kebersihan. Pada waktu yang sama, SIFE UMS juga melancarkan kempen "Yes, I can speak and count too".

Semasa kempen ini peniaga diajar asas matematik, konsep untung dan rugi serta Bahasa Inggeris Komunikasi bagi mendidik mereka mengendalikannya perniagaan mereka dengan teknik yang betul serta cara berkomunikasi dengan pelancong asing. Selain itu, mereka juga diberi buku latihan dan rujukan bagi memastikan ilmu ini digunakan secara berterusan.

Pada fasa kedua ini juga, SIFE UMS mengambil langkah yang lebih proaktif bagi mempromosikan perniagaan komuniti Jalan Sulaman dengan kerjasama Jabatan Pelancongan Negeri Sabah.

Bagi meneruskan kesinambungan projek fasa pertama dan fasa kedua, pada tahun ini SIFE UMS telah melancarkan projek Borneo Coco fasa tiga. SIFE UMS telah menganjurkan Borneo Coco State Conference dan telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada orang awam serta mahasiswa dan mahasiswi UMS.

Persidangan ini bertujuan untuk membentuk sinergi antara mahasiswa dan komuniti

dan membina kemahiran insaniah di kalangan mahasiswa yang bakal menerajui masa depan negara.

Semasa persidangan ini, SIFE UMS telah membantu gerai di Jalan Sulaman menjadi lebih bersih dan menarik sekaligus dapat menarik lebih ramai pengunjung. Hasil daripada persidangan ini juga, produk kreatif daripada bahan buangan di Jalan Sulaman seperti kelapa dan lokan telah berjaya dihasilkan.

Penghasilan produk kreatif ini merupakan salah satu insentif daripada SIFE UMS untuk menyelesaikan masalah pembuangan sampah di Jalan Sulaman dan menjadikannya produk komersil. Berkat usaha SIFE UMS dan kegigihan komuniti di Jalan Sulaman, beberapa gerai telah berjaya membuka koperasi sendiri dan mendapat keuntungan yang lebih.

Bukan wang ringgit yang diharapkan dan bukan juga nama yang dikejar tetapi melihat kejayaan komuniti dibantu merupakan insentif utama perjuangan SIFE UMS untuk terus membantu komuniti setempat.

Harapan SIFE UMS terhadap setiap komuniti yang dibantu adalah supaya mereka dapat berdikari dan menggunakan segala ilmu dan bantuan yang diberikan SIFE UMS untuk terus maju ke hadapan. SIFE UMS juga berharap lebih ramai pihak sama ada kerajaan, swasta mahupun individu akan tampil membuat perkara yang sama.